

FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING
in a digital age

**MENTAL
HEALTH**

PK
LULUT
UNING

BUBU NAGA

Sekat Rezeki Nelayan Tradisional

HUTANG
Kawan atau Lawan?

Unik tapi Benar
KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA

RINTANGAN INSULIN

Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes

BRAIN DRAIN

A Point of View in Malaysia

Bagaimanakah Penularan

**PLANKTON
MERBAHAYA**


*Memberi Kesan kepada
Usahawan Persisiran Pantai*

**PERANAN
MAJIKAN
DALAM
MENANGANI
TEKANAN KERJA
PEKERJA**

**MOTIVATING
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive
Reinforcement to Boost*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

Bagi mengelakkan beban hutang yang berlebihan, setiap individu perlu merancang kewangan dengan bijak. Pertama sekali, individu harus mengelakkan hutang yang tidak perlu, seperti berbelanja secara berlebihan akibat terpengaruh dengan gaya hidup mewah rakan-rakan. Individu yang mudah terpengaruh akan sanggup berhutang semata-mata untuk memenuhi kehendak, sehingga sanggup membuat pinjaman demi menonjolkan status. Oleh itu, individu perlulah bijak mengawal perbelanjaan dan mengutamakan keperluan berbanding kehendak.

Selain itu, satu lagi kaedah berkesan untuk mengelakkan individu daripada berhutang ialah dengan mengawal penggunaan kad kredit secara bijak. Individu yang menggunakan kad kredit secara berlebihan berisiko untuk berbelanja melebihi kemampuan sebenar, sekali gus meningkatkan kemungkinan terjebak dengan hutang. Seharusnya, pemegang kad kredit perlu berdisiplin dalam penggunaannya dan hanya membuat pembelian yang benar-benar diperlukan sahaja.

Berhutang akan mengganggu perbelanjaan harian seseorang individu. Oleh itu, individu perlu berusaha untuk menambah pendapatan atau mencari peluang untuk meningkatkan pendapatan seperti bekerja sambilan atau menjalankan perniagaan kecil. Ini boleh membantu individu yang mempunyai hutang dalam membayar hutang dengan lebih cepat (Prastyaningtyas, E. W., 2023).

Kesimpulannya, hutang yang tidak diurus dengan bijak boleh memberikan kesan negatif terhadap kewangan individu. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk mengurus perbelanjaan dengan berhemah, merancang kewangan secara teratur, serta mengelakkan daripada membuat hutang yang tidak perlu. Dengan cara ini, mereka dapat mengekalkan kestabilan kewangan serta menikmati kehidupan yang lebih tenang dan harmoni.

Rujukan :

Yahya, M. A., Mazlan, M., & Hasan, S. A. (2020). Faktor Yang Mendorong Individu Untuk Membuat Pembiayaan Peribadi. *Jurnal'Ulwan*, 5(1), 126-133.

Prastyaningtyas, E. W. (2023). Mengatasi Kebiasaan Berutang Melalui Kegiatan Produktif Berbasis Pendidikan Ekonomi.

Perangkap hutang: Fahami punca, kesan beban ditanggung. https://www.bharian.com.my/vanita/keluarga/2024/10/1315691/perangkap-hutang-fahami-punca-kesan-beban-ditanggung#google_vignette, diakses pada 16 Mac 2025.

PERANAN

WAKAF

PENDIDIKAN DALAM

MENINGKATKAN

AKSES PENDIDIKAN

DI MALAYSIA

Rosezhazni Abdul Ghani, A'tiqah Rashidah Abu Samah,

Noorhayati Yusof Ali & Zuraida Mohamad

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Emel Koresponden: rosezhazni@uitm.edu.my

Wakaf pendidikan di Malaysia memainkan peranan penting dalam memperluaskan akses kepada pendidikan, terutamanya bagi golongan yang kurang berkemampuan. Menurut Bayan Linas siri 191 (2019), wakaf diambil daripada bahasa Arab waqf yang bererti menahan atau menghentikan, atau merujuk kepada pemberian harta atau aset untuk tujuan kebajikan yang berterusan. Dalam konteks pendidikan, wakaf ini digunakan untuk membiayai pelbagai inisiatif pendidikan seperti pembinaan sekolah, universiti, dan pemberian biasiswa kepada pelajar yang memerlukan.

Wakaf pendidikan bukan sahaja membantu dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang lebih baik, tetapi juga memastikan semua lapisan masyarakat mempunyai capaian pendidikan yang lebih luas dan inklusif tanpa menganaktirikan golongan berpendapatan rendah atau mereka yang berada di luar bandar. Sebagai contoh, melalui wakaf, banyak sekolah agama dan madrasah telah dibina di kawasan luar bandar memberikan peluang kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Di samping itu, wakaf juga berperanan dalam menyediakan bantuan kewangan seperti dermasiswa untuk membantu pelajar yang cemerlang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sedikit sebanyak ia membantu mengurangkan beban kewangan keluarga dan memberi peluang kepada pelajar untuk menggapai cita-cita mereka di menara gading.

Tambahan pula, wakaf pendidikan juga memainkan peranan dalam memperkukuhkan hubungan antara komuniti dan institusi pendidikan. Dengan menyumbang kepada wakaf, individu dan organisasi dapat meningkatkan keterlibatan mereka dalam pembangunan pendidikan dan dapat melihat kesan positif hasil daripada sumbangan itu. Ini bukan sahaja meningkatkan rasa tanggungjawab sosial tetapi juga memupuk semangat gotong-royong dalam masyarakat.

Melalui pelbagai inisiatif wakaf pendidikan, Malaysia dapat terus memperkukuhkan sistem pendidikannya dan memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira latar belakang sosio ekonomi pelajar, mempunyai hak yang sama untuk mencapai kejayaan akademik dan profesional. Sebagai contoh, Universiti Al Azhar, Mesir yang dibina pada tahun 979 Masihi merupakan institusi pendidikan yang terulung dan yang pertama dibangunkan atas konsep wakaf, telah berjaya melahirkan ribuan ulama, tokoh dan ilmuan Islam dan memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan percuma dan berkualiti kepada pelajar di seluruh dunia. Universiti ini menjadi panduan atau model kepada pembangunan institusi pendidikan berkonsepkan wakaf di seluruh dunia. (Don & Ali, 2017).

Dalam konteks Malaysia, wakaf pendidikan ini telah lama bertapak bermula dengan pembinaan pondok-pondok pengajian agama, madrasah dan seterusnya sekolah-sekolah agama rakyat yang dibina di atas tapak tanah wakaf, telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar daripada golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pendidikan berkualiti (Salleh & Rahman, 2014). Contoh pondok, madrasah dan sekolah agama yang berjaya hasil dari aplikasi model wakaf pendidikan adalah Maktab Mahmud, Kedah, Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah, Pulau Pinang, Maahad Al-Ihya Al-Syarif, Perak dan Kolej Islam Malaya, Klang, Selangor. Selain dari sekolah pondok dan sekolah agama rakyat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang mengaplikasi konsep wakaf di mana pihak universiti menerima sumbangan wakaf dalam bentuk tanah dan bangunan yang digunakan untuk tujuan pembangunan infrastruktur. Sementara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah melaksanakan model institusi pendidikan melalui sinergi dana wakaf dan zakat. Ianya termasuklah pemberian biasiswa dan kemudahan pendidikan yang dibiayai oleh sumber wakaf dan zakat. Malahan universiti-universiti awam yang lain juga seperti UPM, USM, UKM dan universiti swasta seperti Kolej Universiti Bestari, Universiti Antarabangsa AlBukhari turut sama mengaplikasi model wakaf pendidikan (Bayan Linas siri 191, 2019)

Kini, wakaf pendidikan ini telah mengorak lebih maju ke hadapan dengan penubuhan entiti wakaf khas pendidikan pengajian tinggi awam dan swasta yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan dan memperkasakan pendidikan untuk orang Islam ke peringkat yang lebih tinggi bagi. Perkembangan ini membolehkan universiti tempatan dan swasta di Malaysia mampu bersaing di peringkat global. Model pendidikan ini juga dijangka menjadi model bagi mekanisme wakaf yang memenuhi tuntutan dan perubahan dalam dunia pendidikan.

Sebagai kesimpulan, wakaf pendidikan adalah satu inisiatif yang berkesan dan berdaya maju untuk memajukan pendidikan umat Islam. Wakaf pendidikan merupakan solusi yang berpotensi besar dalam pembangunan pendidikan umat Islam. Dengan menggunakan dana wakaf, institusi pendidikan dapat memperoleh sumber kewangan yang stabil dan berterusan tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan atau yuran pelajar. Ini membolehkan institusi tersebut menawarkan pendidikan berkualiti tinggi tanpa perlu mengenakan bayaran yuran pengajian atau paling tidak, mengenakan caj yang paling minimal, sekali gus meningkatkan akses kepada pendidikan bagi golongan kurang berkemampuan. Pengurusan yang baik dengan sokongan seluruh masyarakat Islam, diyakini bahawa wakaf pendidikan mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan pendidikan yang lebih inklusif dan berkualiti.

RUJUKAN

- [1] Bayan Linnas Siri Ke-191: Wakaf Pendidikan Dan Manfaatnya (2019). Dimuat turun pada 10 September 2024, daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3553-bayan-linnas-siri-ke-191-wakaf-pendidikan-dan-manfaatnya>
- [2] Salleh, M., & Rahman, N. S. A. (2014). Wakaf pendidikan di Malaysia: Satu tinjauan. In Kertas kerja, International Research Management and Innovation Conference (IRMIC2014), Kuala Lumpur (pp. 17-18).
- [3] Don, M. & Ali, M. (2017), Sejarah Universiti al-Azhar sebagai model institusi pendidikan wakaf terulung / Mohd. Ali Muhamad Don. In: 2nd International Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017), 14-15 November 2017, Avillion Hotel Melaka

Ilmu Tanpa Adab Ibarat Pedang Tanpa Sarung

Nur Azwani Mohamad Azmin, Nurafida Abd Talib, Nasihah Abdullah, Nur Dalila Adenan, Nazlin Emieza Ngah

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia
Emel Koresponden: nurazwani@uitm.edu.my

Dalam dunia keilmuan, kita sering mendengar ungkapan masyhur: "Adab sebelum ilmu". Frasa ini bukan sekadar pepatah, tetapi satu prinsip hidup yang dipegang teguh oleh para ulama silam. Menurut tradisi keilmuan Islam, hubungan antara adab dan ilmu bukan sekadar persoalan akhlak, tetapi menyentuh aspek asas epistemologi dan falsafah pendidikan. Namun, sering timbul persoalan: antara adab dan ilmu, manakah lebih penting?

Adab bukan sekadar merujuk sopan santun atau budi bahasa, tetapi mencakupi akhlak, ketundukan kepada Allah SWT, penghormatan kepada guru, serta adab dalam menuntut, menyampaikan, dan mengamalkan ilmu. Adab secara literal bermaksud kesopanan dan keluhuran akhlak. Namun dalam konteks keilmuan Islam, ia merangkumi penghormatan terhadap ilmu dan sumbernya, guru, dan Allah SWT sebagai pemberi ilmu.

Ilmu pula ialah cahaya yang membimbing manusia, sama ada dalam urusan dunia dan akhirat. Ia ditakrifkan sebagai ma'rifah (pengetahuan yang benar) yang diperoleh melalui dalil yang sah sama ada naqli atau 'aqli (Al-Attas, 1991). Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, adab ialah "pengiktirafan dan penempatan sesuatu pada tempatnya yang wajar." Maka, menuntut ilmu tanpa adab bererti seseorang itu gagal meletakkan ilmu di tempatnya yang hakiki.

Bayangkan ilmu seperti sebilah pedang, manakala adab pula ibarat sarung yang menjaga dan mengendalikan pedang itu. Pedang yang tajam tanpa sarung boleh melukakan sesiapa sahaja, termasuk tuannya sendiri. Sebaliknya, pedang yang tajam tetapi disarung rapi, akan memberi manfaat besar, digunakan tepat pada sasarannya.



BizNewz 2025
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com